

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 Mac 2017

SOALAN

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah strategi dan langkah kementerian dalam memastikan setiap warga emas mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara menuju negara tua menjelang 2030.

JAWAPAN

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nations World Assembly on Ageing di Vienna, Austria (1982). Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sesebuah negara ditakrifkan sebagai negara tua apabila penduduk warga emasnya mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal dengan menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula dasar tersebut. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011 yang akan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut, merangkumi tujuh (7) sektor iaitu kesihatan, sosial dan rekreasi, pendidikan dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, ekonomi, pekerjaan serta penyelidikan dan pembangunan. Tuan Yang Dipertua, Bagi memantau pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas. KPWKM juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Mengenai Isu dan Cabaran Penuaan bagi mengenal pasti isu dan cabaran penuaan yang merangkumi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan sosial dan penuaan aktif atau positif serta menetapkan keutamaan bidang yang akan ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus pada isu yang diketengahkan termasuk isu kebergantungan ekonomi warga emas. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan, Program Home Help Services serta program pemerkasaan ekonomi warga emas. Kementerian yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan satu bentuk perancangan strategik dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas merangkumi semua aspek berkaitan warga emas. Adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan tanggungjawab menjaga warga emas dan tanggungjawab setiap individu untuk persediaan hari tua akan meningkat dan seterusnya tidak bergantung pada kerajaan semata-mata.

